

## PILIHAN RAYA : HAK PENGAMAL DEMOKRASI BERPERLIMEN DI MALAYSIA

Hadijah Johari

Pusat Pengajian Umum,

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'dzam Shah (UniSHAMS)

Tel : +0175106533 E-mail hadijah@unishams.edu.my

### ABSTRAK

“Mari Mengundi” slogan yang sinonim didengar setiap lima tahun sekali. Hakikatnya, pilihan raya tidak boleh dipisahkan dengan sistem demokrasi di rantau ini khususnya anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) yang terdiri daripada 10 buah negara termasuk Malaysia, Indonesia, Vietnam, Laos, Kemboja, Myanmar, Brunei, Thailand, Singapura dan Filipina yang pernah menikmati sesuatu yang dianggap oleh saintis politik Amerika Syarikat, Samuel Huntington sebagai ‘gelombang pendemokrasian ketiga’. Namun, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengumumkan bahawa jumlah keseluruhan pengundi yang keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) adalah sebanyak 82.32 peratus yang melibatkan seramai 12,229,514 orang daripada 14,940,624 pengundi yang berdaftar sahaja. Ternyata terdapat seramai 2,711,110 orang atau 17.68 peratus pengundi didapati gagal menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengamal demokrasi di Malaysia yang secara tidak langsung membabitkan kerapuhan amalan demokrasi di Malaysia. Sehubungan itu, artikel ini sebagai kertas konsep yang membicarakan hak-hak pengamal demokrasi meliputi hak memilih perwakilan, hak membentuk kerajaan, hak menyokong kerajaan, hak mengekalkan kerajaan dan hak menukar kerajaan. Sumber sekunder merupakan metod yang digunakan dalam perbincangan ini terdiri daripada kaedah kepustakaan, rujukan atas talian, data daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan hasil kajian-kajian yang lepas. Analisis kajian berdasarkan metod yang dipilih menunjukkan bahawa kesedaran rakyat sebagai pengamal demokrasi masih perlu disebarluaskan apabila peratus keluar mengundi setiap kali pilihan raya diadakan mencatatkan kadar turun naik. Hasil kajian ini dapat memberi kefahaman secara jelas kepada seluruh warganegara yang telah mendaftar tentang tanggungjawab membuang undi pada setiap kali pilihan raya diadakan. Demi untuk memperkasakan dan menyuburkan amalan demokrasi di Malaysia, dicadangkan agar pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan kempen kesedaran daftar pemilih dan memperkenalkan pendaftaran secara automatik warga Malaysia yang berusia 21 tahun.

**Kata kunci :** *Demokrasi Berperliman, Pilihan raya, Hak pengamal demokrasi*

### PENGENALAN

Proses politik di Malaysia telah melewati garis masa yang sangat panjang bermula dengan Kerajaan Melayu Melaka dengan Sistem Beraja yang dibantu dengan sistem Pembesar Empat Lipatan kemudian beralih kepada zaman penjajahan hampir 644 tahun yang memperkenalkan konsep merkatalisme, kapitalisme dan imprealisme sehingga Sistem Residen dan Sistem Penolong Residen diperkenalkan bagi menolak ketuanan Melayu dan akhirnya proses politik tersebut diserahkan kepada rakyat sepenuhnya apabila Malaysia mencapai kemerdekaan yang secara tidak langsung memperlihatkan wujudnya sistem berasaskan kepada pilihan yang dibuat oleh majoriti rakyat yang layak mengundi kerana semakin tinggi jumlah pengundi yang melaksanakan tanggungjawab, semakin jelas sokongan terhadap barisan pemimpin yang dipilih. Namun, semakin rendah jumlah pengundi

melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengundi, semakin tidak jelas jumlah majoriti yang bermaksud bahawa demokrasi sangat ideal dengan prinsip kebebasan.

Hakikatnya sejarah demokrasi itu sendiri menunjukkan bahawa ianya ialah mekanisme kepada penginstitusian atau pengiktirafan kepada hak dan kebebasan. Walaupun demokrasi menginstitusikan kebebasan tetapi sinisnya apabila idea kebebasan dilebarkan sehingga boleh membunuh demokrasi itu sendiri dengan satu undi rakyat akan menukar landskap politik negara seperti memetik kata Abraham Lincoln yang tidak dapat dilupakan mengenai sifat demokrasi iaitu "Demokrasi ialah kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat" (Shamrahayu A Aziz:2018). Eleman pilihan raya terdiri daripada calon, pemilih dan proses pilihan raya (Hadijah:2019).Ternyata rakyat merupakan eleman terpenting mengerakkan amalan demokrasi di Malaysia. Justeru, sewajarnyanya mereka tahu hak-hak yang perlu ditunaikan agar kelestarian amalan demokrasi tetap subur di bumi Malaysia yang bertuah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri demokrasi serta mengenalpasti hak-hak sebagai pengamal demokrasi di Malaysia sebelum dan selepas pilihan raya. Persoalan kajian yang dibina ialah :

1. Apakah ciri-ciri demokrasi di Malaysia
2. Apakah hak pengamal demokrasi di Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk kajian keperstakaan, rujukan atas talian, data daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan hasil kajian-kajian lepas. Kajian ini berfokus kepada hak-hak sebagai pengamal demokrasi di Malaysia.

## PERBINCANGAN

### *Ciri-Ciri Demokrasi Di Malaysia*

Nama Persekutuan Malaysia muncul pada persada dunia tanggal 16 September 1963 yang secara keseluruhannya menandakan bahawa berakhirnya penjajahan British di wilayah ini namun, kekal sebagai negara anggota Komanwel dengan syarat menerima pakai sistem demokrasi berperlimen ala- British atau lebih dikenali sebagai model Westminster yang telah disesuaikan dengan keadaan geografi dan sosiopolitik di negara ini (Malike Brahim: 2012). Negara demokrasi lahir daripada perjuangan berdasarkan kedaulatan rakyat. Umumnya terdapat dua corak pemerintahan negara demokrasi iaitu sistem Raja Berperlembagaan dan Sistem Republik. Malaysia telah memilih dan mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Antara ciri-ciri demokrasi di Malaysia ialah mempunyai Perlembagaan yang merupakan undang-undang tertinggi dan menjadi asas kepada pembentukan sesebuah negara kerana telah terkandung segala peraturan dan prinsip sebagai panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasanya dan mentadbir negara. Seterusnya, Raja Berperlembagaan yang bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam perlembagaan Malaysia makna kata Yang Di-pertuan Agong perlu bertindak berdasarkan Perlembagan Malaysia. Parlimen juga salah satu ciri-ciri demokrasi di Malaysia apabila Parlimen menjadi badan perundangan bagi kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab membuat undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di seluruh negara serta meluluskan undang-undang persekutuan, membuat pindaan kepada undang-undang persekutuan yang ada, memeriksa dasar-dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan serta meluluskan hasil-hasil cukai baharu. Ciri seterusnya ialah amalan pilihan raya iaitu proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada pada peringkat negeri maupun persekutuan yang proses pemilihannya dilakukan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan sistematik.

Selain itu, kuasa pemerintahan Malaysia juga ciri demokrasi yang wujud dengan amalan konsep pengasingan kuasa apabila kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman. Ciri demokrasi di Malaysia seterusnya ialah parti-parti politik yang merujuk kepada sekumpulan orang dengan pelbagai ideologi politik tetapi bersatu bagi mencapai malamat bersama melalui perjuangan untuk mendapatkan kuasa. Ciri terakhir demokrasi di Malaysia ialah kebebasan asasi yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu kebebasan mutlak dan kebebasan bersyarat.

Begitulah rencamnya untuk membentuk sebuah negara demokrasi tetapi lagi sukar untuk mengekalkan sistem tersebut berasaskan nilai dan falsafahnya. Ternyata itulah hakikatnya sistem demokrasi tidak wujud begitu sahaja tetapi memerlukan sesuatu yang dinamakan sebagai kuasa. Hal ini bermaksud bahawa sesiapa yang telah mendaftar sebagai pemilih mempunyai hak dan tanggungjawab untuk menentukan masa depan negara kerana melalui pilihan raya rakyat menentukan kepimpinan dan pemerintahan negara secara demokrasi.

### ***Hak Sebagai Pengamal Demokrasi Di Malaysia : Memilih Perwakilan***

Sebagai seorang pengamal demokrasi di Malaysia semua warganegara yang berdaftar mempunyai hak untuk memilih wakil yang akan mewakili kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hal ini, kerana dalam sistem demokrasi memerlukan kesepakatan rakyat untuk memilih sebahagian orang yang akan memerintah dan mengatur urusan mereka dan apabila proses pemilihan ini dilakukan secara bersama maka rakyat akan terhindar daripada memilih seorang pemimpin yang tidak mereka kehendaki dan sistem yang menindas mereka. Hal ini, disokong oleh Azzam Tamimi (2001) yang berpendapat bahawa demokrasi boleh difahami sebagai satu sistem yang mempunyai undang-undang berprosedur yang mengkhususkan siapa yang berwibawa untuk membuat sesuatu keputusan secara kolektif dengan prosedur yang harus digunakan untuk membuat keputusan secara kolektif dalam suasana menjamin penyertaan secara maksima yang boleh tercapai bagi mereka yang berkepentingan. Antaranya seperti kepentingan hak untuk samarata, kepentingan golongan majoriti yang memerintah dan jaminan kepada hak minoriti dengan keputusan kolektif yang dipersetujui oleh sebilangan suara dan secukupnya untuk membuat keputusan tersebut dengan prinsip Undang-Undang tertentu yang ada jaminan berperlembagaan untuk kebebasan berkumpul dan luahan pendapat serta hak-hak kebebasan lain-lain yang akan membantu menjamin siapa yang akan membuat keputusan atau dipilih untuk membuat keputusan supaya boleh memilih daripada pilihan yang terbaik.

Akhirnya, semua perkara tersebut telah diterjemahkan oleh rakyat Malaysia yang berdaftar dalam pilihan raya ke-14 pada 9 Mei 2018 yang lalu dengan 12,229,514 orang daripada 14,940,624 pengundi yang berdaftar telah keluar memilih perwakilan bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Jelaslah bahawa demokrasi telah memberi sumbangan yang besar dalam kemajuan tamadun manusia daripada aspek keilmuan, pemikiran, akhlak, ketenteraan dan pemerintahan apabila sistem ini telah memberikan hak kebebasan memilih pemimpin, hak bersuara dan hak mengundi kepada rakyat berbanding dengan sistem yang lain. (al-Ansari:1980)

## **HAK SEBAGAI PENGAMAL DEMOKRASI DI MALAYSIA**

### ***Membentuk Kerajaan***


Hak kedua yang dimiliki oleh semua pengamal demokrasi ialah hak membentuk kerajaan. Hal ini, telah dibuktikan dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14 tanggal 9 Mei 2018 apabila ianya menjadi sejarah dalam dunia politik dunia umumnya dan di Malaysia khasnya kerana berlakunya proses transisi kuasa daripada kerajaan lama kepada kerajaan baharu secara lancar tanpa sebarang kesulitan. Apabila semua ini berlaku jelaslah menunjukkan bahawa

rakyat Malaysia kini bukan sahaja menghormati keputusan PRU-14 dengan hati terbuka dan sebulat suara membentuk kerajaan baharu malah, lebih matang dalam menjunjung dan mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi tulen.

Sebanyak 222 kerusi Parlimen dipertandingkan di seluruh Malaysia. Berikut ialah jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi mengikut parti yang bertanding: (Sumber : Web Suruhanjaya Pilihan Raya)

Nama Parti	Bilangan	Peratus
BN	79	36.6%
PAS	18	8.1%
Pakatan Harapan	113	50.9%
WARISAN	8	3.6%
STAR	1	0.4%
Parti Lain	3	1.4%
JUMLAH	222	
PEMENANG	PAKATAN HARAPAN	

Pecahan sebenar bilangan Parlimen yang dimenangi oleh parti politik berdaftar dalam pilihan raya ke-14 seperti berikut Sumber <https://www.malaysiatercinta.com/2018/05/keputusan-pilihanraya-umum-pru-14-dun.html>



Menurut M. Periasamy (2018) ruang kebebasan memilih yang diberikan sebagai pengamal demokrasi telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat untuk memberikan mandat kepada gabungan parti pembangkang sekali gus menamatkan pentadbiran era Barisan Nasional (BN) menguasai Kerajaan Persekutuan yang dulunya dianggap sukar dikalahkan sehingga mentadbir Malaysia secara berterusan selama 60 tahun tetapi selepas PRU ke-14 akhirnya terpaksa akur dengan kehendak dan pilihan rakyat. Hal ini, bermakna BN dilihat sebagai sebuah parti politik yang terakhir hilang kuasa memerintah dalam kalangan parti politik seangkatannya seperti Parti Indian National Congress di India dan Parti Golkar di Indonesia yang telah lama hilang monopoli penguasaan politik di negara masing-masing malah sekali gus meletakkan Pakatan Harapan yang diterajui oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencipta sejarah dalam arena politik dunia apabila dilantik

sebagai Perdana Menteri Malaysia buat kali kedua pada umur 92 tahun iaitu ketua kerajaan tertua di dunia.

## **HAK SEBAGAI PENGAMAL DEMOKRASI DI MALAYSIA**

### ***Menyokong Kerajaan***

Selepas memberikan mandat membentuk kerajaan oleh pengamal demokrasi di Malaysia hak seterusnya yang dimiliki oleh pengamal demokrasi ialah menyokong kerajaan walaupun dalam keputusan PRU ke-14 rakyat memberikan mandat kepada pembangkang untuk membentuk kerajaan. Menurut Malike Ibrahim (2012) perubahan dan gelombang baharu yang berlaku memperlihatkan wujudnya anjakan paradigma dalam kalangan rakyat ke arah budaya politik baharu yang sukar diramal khususnya dalam kalangan pengundi untuk menyokong mana-mana parti mahupun calon yang bertanding. Akhirnya, dengan undi majoriti, pemilihan seorang perwakilan mengikut bahagian dan wujudnya penyertaan pelbagai parti setiap pihak mempunyai peluang yang sama untuk memperolehi kemenangan apabila dikatakan bahawa “kerajaan rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat” kerana kuasa rakyat atau kuasa popular yang akan menentukan segala-galanya tanpa sesiapapun mampu menafikannya. Maka mana-mana pihak yang berjaya mendapat sokongan rakyat akan terpilih untuk jangka masa 5 tahun. Startegi untuk mendapatkan sokongan itu tentulah salah satunya melalui manifesto pilihan raya yang diketengahkan oleh semua pihak yang bertanding.

Menurut Dr Nik Rahim Nik Wajis (2018) Antara faktor yang dikatakan banyak menyumbang kepada sokongan rakyat yang membawa kejayaan luar jangkaan Pakatan Harapan (PH) ialah senarai janji yang dimuatkan dalam manifesto PH bagi menghadapi PRU-14 lalu. Jika diteliti manifesto PH ialah menjanjikan penghapusan tol, cukai barang dan perkhidmatan (GST), memerangi rasuah serta memberi perhatian serius terhadap isu integriti dan penyelewengan. Iltizam yang disenaraikan mencakupi tindakan pendakwaan ke atas mereka yang terbabit dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Selain itu, manifesto juga menyenaraikan janji menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar, menyamaratakan dan seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum. Antara janji lain dengan memperkenalkan skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk suri rumah serta menangguhkan pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada peminjam bergaji kurang RM4,000 sebulan. Memansuhkan senarai hitam ke atas peminjam PTPTN turut tersenarai dalam manifesto berkenaan bersama beberapa lagi janji lain. Namun, kini tempoh 100 hari sudah pun berakhir dan lagi 2 bulan akan menghampiri temoh setahun pemerintahnya dilihat hanya sebahagian kecil daripada janji yang dibuat PH sudah ditunaikan. Justeru, tidak hairan semakin ramai membangkitkan isu ini dan tidak kurang yang mula mengkritik sebagai tanda menuntut janji terhadap PH terhadap sokongan mereka dalam PRU ke-14 yang lalu.

## **HAK SEBAGAI PENGAMAL DEMOKRASI DI MALAYSIA**

### ***Mengekalkan Kerajaan***

Sepanjang tempoh lima tahun seharusnya mana-mana pihak perlu menfaatkan mandat pentadbiran negara yang diberikan oleh pengamal demokrasi di Malaysia apabila kuasa yang ada boleh dikekalkan untuk tempoh lima tahun berikutnya sehingga mencapai angka 60 tahun seperti yang direkodnya oleh Barisan Nasional (BN) yang berjaya memenangi pilihan raya di Malaysia sejak 1957 kerana rakyat mempraktikan hak keempat yang ada sebagai pengamal demokrasi iaitu mengekalkan kerajaan.

Menurut N.Shaharuddin, kerajaan yang dibentuk selepas pilihan raya bukan sahaja bertugas untuk memilih pemimpin-pemimpin melalui proses demokrasi sahaja seperti menaik dan menjatuhkan pemimpin-pemimpin tetapi lebih utama perlu membuat dasar-dasar, usul-

usul serta terus memperjuangkan nasib ahli-ahli serta rakyat di negara ini. Contohnya, sepanjang tempoh 60 tahun lepas UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain telah memainkan peranan sebagai pembuat dasar juga berfungsi sebagai saluran membawa pandangan-pandangan, usul-usul daripada parti-parti tersebut kepada kerajaan untuk dipertimbangkan dengan rakyat menjadi penyemak dan pengimbang atas semua gerak kerja pemimpin yang mereka pilih.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pihak berpandangan apabila pemimpin sudah terpilih melalui proses parti dan pilihan raya, maka terpulanglah kepada pemimpin itu membuat dasar untuk kebaikan rakyat atau kawasan pilihan rayanya lebih-lebih lagi bagi pengundi atau rakyat yang bersifat pasif dan tidak mempunyai pengetahuan mengenai politik dan dasar-dasar negara. Akhirnya, apabila hal-hal ini banyak diserahkan kepada pemimpin sehingga tidak ada tindakan pemeriksaan dan membetulkan keadaan terhadap sesuatu yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin, wujudnya penyelewengan yang berleluasa dilakukan oleh pemimpin, parti menjadi alat kepentingan diri dan lahirlah pemimpin yang memimpin menurut cara autokratik iaitu menggunakan pilihan pemimpin dengan cara demokratik tetapi, setelah terpilih akan membuat sesuatu dasar itu menggunakan caranya sendiri tanpa berunding dengan ahli-ahli parti atau rakyat. (N.Shaharuddin 2018). Sehubungan itu, pemimpinnya seharusnya sedar bahawa mereka dipilih oleh rakyat untuk memberi perkhidmatan terbaik. Jadilah pemimpin yang amanah dan berintegriti bukan sahaja pandai bercakap tapi juga melaksanakannya malah punya kebolehan dan kemampuan yang luar biasa kerana rakyat biasanya terlalu mengharapkan pemimpin seperti itu. Rakyat mengharapkan sesuatu yang dibuat atau diberi oleh pemimpin kepada negara bukannya sumbangan rakyat kepada negara demi menjamin kelangsungan pentadbiran mereka dalam pilihan raya akan datang kerana rakyat ada hak mengekalkannya.

## HAK SEBAGAI PENGAMAL DEMOKRASI DI MALAYSIA

### *Menukar Kerajaan*

Hak terakhir yang ada sebagai pengamal demokrasi di Malaysia ialah boleh menukar kerajaan kerana rakyat berhak mendapatkan sesuatu yang terbaik daripada negara untuk rakyat yang akhirnya telah direalisasikan dalam PRU ke-14 apabila Barisan Nasional (BN) yang dilihat serba lengkap kerana punya kelebihan dari sudut media, sokongan daripada rakyat khususnya di luar bandar, sumber kewangan yang dimiliki sehingga dikatakan “mustahil” ditewaskan akhirnya terpaksa akur dengan keputusan rakyat memilih PH sebagai kerajaan baharu.

Menurut M. Periasamy PRU-14 menyaksikan ‘tsunami Melayu’ dalam mencorakkan keputusan pilihan raya tersebut namun, realitinya sentimen ‘mengubah’ kerajaan dalam kalangan rakyat merentasi kaum, agama, dan lokaliti dilihat menyebabkan Pakatan Harapan menang besar. Malah kemerosotan sokongan pengundi secara amnya dan pengundi Cina dan India terhadap MCA dan MIC secara khususnya di Semenanjung dan penolakan pengundi Sabah terhadap BN di Sabah, negeri yang umumnya dianggap sebagai simpanan tetap (*fix deposit*) BN turut menyumbang kehilangan Putrajaya pada 9 Mei lalu.

Selain itu disokong dengan manifesto parti PH yang berjanji bakal menyelesaikan masalah-masalah harian yang melibatkan kos sara hidup golongan pendapatan rendah dan sederhana yang kian meningkat dalam tempoh masa 100 hari. Jelaslah suara majoriti rakyat Malaysia tidak dapat diramal kerana mereka telah memilih dan ini merupakan satu kekalahan bersejarah bagi gabungan Barisan Nasional yang belum pernah kalah sejak kemerdekaan Malaysia pada 1957 iaitu 61 tahun yang lalu.

## KESIMPULAN

Sistem demokrasi berbeza-beza pengamalannya antara satu negara dengan negara yang lain. Namun, hak pengamal demokrasi itu tetap sama iaitu memilih perwakilan, membentuk kerajaan, menyokong kerajaan, mengekalkan kerajaan dan menukar kerajaan. Demi menjamin kelestariannya terus subur di bumi Malaysia bertuah dicadangkan agar pihak Suruhanjaya Jaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan kempen kesedaran daftar pemilih dan memperkenalkan pendaftaran secara automatik warga Malaysia yang berusia 21 tahun.

Hakikatnya, kini sistem demokrasi itu sendiri turut mengalami perubahan sejajar perubahan landskap politik semasa dan perkembangan sosioekonomi dan pendidikan dalam kalangan pengamal demokrasi yang kian sedar akan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara yang punya kebebasan memilih. Demi kelestarian demokrasi di Malaysia mari mengundi.

## RUJUKAN

- Malike Ibrahim. (2012). *Sistem Demokrasi Berperlimen di Malaysia*. Petaling Jaya : IBS Buku Sdn.Bhd.
- Hadijah Johari dan Anas Suzastri Ahmad. (2019). *Pengajian Malaysia*. Kedah : Asa Mesra Printer
- Hairol Anuar Bin Hj.Mak Din. (2016) *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Patriotisme*. Selangor : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- M. Periasamy. *Pilihan Raya Umum Ke-14 cipta sejarah dunia*. [Online]: [www.utusan.com.my/.../pilihan-raja-umum-ke-14-cipta-sejarah](http://www.utusan.com.my/.../pilihan-raja-umum-ke-14-cipta-sejarah) akses pada 20 September 2018
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad. Kerelevanan Calon Muda Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14. [Online]:  
[https://www.researchgate.net/publication/322162953\\_KERELEVANAN\\_CALON\\_MUDA\\_MENJELANG\\_PILIHAN\\_RAYA\\_UMUM\\_KE14](https://www.researchgate.net/publication/322162953_KERELEVANAN_CALON_MUDA_MENJELANG_PILIHAN_RAYA_UMUM_KE14) akses pada 20 September 2018
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. *Pengamalan Demokrasi Di Dunia Islam Menurut Perspektif Islam*. [Online]:  
<http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/15029/1/2%20Demokrasi%20di%20Dunia%20Islam.%20Rumai.pdf> akses pada 20 September 2018
- N. Shaharuddin. *Modul GMGA 2023 Dasar Awam*. [Online]:  
[https://www.academia.edu/25759056/Modul\\_GMGA\\_2023\\_Dasar\\_Awam](https://www.academia.edu/25759056/Modul_GMGA_2023_Dasar_Awam) akses pada 20 September 2018
- Nik Rahim Nik Wajis. *Kerajaan perlu bekerja lebih keras tunai janji*. [Online]:  
<https://www.bharian.com.my/.../kerajaan-perlu-bekerja-lebih-keras-...> akses pada 20 September 2018
- Shamrahayu A Aziz. *Demokrasi, pilihan raya dan tanggungjawab warganegara*. [Online]:  
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/04/417961/demokrasi-pilihan-raja-dan-tanggungjawab-warganegara> akses pada 20 September 2018